



**TEKS UCAPAN
YBRS TUAN MOHD. YAZID BIN SAIRI ^{S.I.S}
YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI MESYUARAT MAJLIS
BIL 8 / 2021**

**30 OGOS 2021 (ISNIN)
9 PAGI, BILIK SIANTAN**

**BANGUNAN LAMA
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

Assalamualaikum wbkt & selamat pagi diucapkan

Yang Berusaha Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman
Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang

Yang Amat Dihormati Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Hj Wan
Mahmood Pa' Wan Teh
Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

Yang Berusaha Tuan Haji Azhar Bin Samsuri
Penolong Setiausaha Majlis Perbandaran Selayang

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,

Para pengarah jabatan,

Pihak media, tuan-tuan dan puan-puan sekalian

1. Bismillahirrahmanirrahim, Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnianya, dapat kita bersama sama pada pagi ini.

PEMBUKAAN SIDANG DEWAN NEGERI SELANGOR

2. Pada 23 Ogos yang lepas, DYMM Tuanku telah berkenan untuk berangkat bagi merasmikan istiadat pembukaan Persidangan Penggal Ke-Empat Dewan Negeri Selangor Yang Ke-14 Tahun 2021. Dalam titahNya, Baginda telah:

- (a) menzahirkan kebimbangan berkaitan dengan penularan wabak COVID-19 yang melanda Negara khususnya di negeri Selangor ini. Baginda juga merasa amat sedih dan dukacita melihat setiap hari Negeri Selangor merekodkan jumlah pesakit dan kematian akibat wabak COVID-19 paling tinggi di Malaysia, dan meminta agar semua mematuhi SOP yang ditetapkan.
- (b) berharap rakyat memberi kerjasama sepenuhnya untuk mendapatkan vaksinasi COVID-19 masing-masing seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan. Dan semua perlu memainkan peranan untuk menasihatkan rakyat agar segera mengambil suntikan vaksin COVID-19 supaya negeri Selangor boleh mencapai imuniti kelompok pada tarikh yang disasarkan.
- (c) mengingatkan semua agar jangan terlalu banyak berpolitik serta merebut kuasa dan kedudukan sehingga melupakan tanggungjawab utama untuk membela nasib rakyat.
- (d) mengingatkan semua pihak mengambil tahu tentang masalah yang sedang di hadapi oleh rakyat di kawasan masing-masing khususnya mengenalpasti apakah bantuan yang perlu disalurkan kepada rakyat yang terjejas akibat wabak COVID-19.
- (e) menekankan integriti Penjawat Awam dan Ahli Dewan Negeri (ADN) serta penolakan kepada budaya rasuah.

- (f) menekankan kepada agenda hijau dengan mewujudkan ekosistem yang terbaik dan moden untuk menarik pelaburan dalam teknologi hijau yang berdaya tahan terhadap perubahan iklim.
- (g) Pengekalan dasar 30% daripada keluasan negeri Selangor sebagai hutan simpan kekal (31.47%).
- (h) Baginda berharap agar sekalian rakyat berbilang kaum dan agama dapat terus hidup di dalam harmoni dan bersatu padu, menghormati agama dan budaya masing-masing.

PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN

- 3. Untuk makluman, sehingga 31 Julai 2021, MPS berjaya mengutip cukai taksiran semasa 2021 sebanyak RM58.94 juta (54.08%) daripada RM109 juta.
- 4. Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM5.52 juta (67.77%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM8.15 juta.
- 5. MPS juga sedang melaksanakan kempen bayar tunggakan cukai taksiran bagi rumah kampung dan kos rendah. Bagi pemilik yang membuat bayaran secara penuh, pembatalan waran tahanan 100% dan pengurangan caj dikenakan 50% akan diberikan.

6. Bermula tahun 2021, MPS telah beralih kepada bil digital sepenuhnya. Untuk penggal 2/2021, bil digital cukai taksiran telah dikeluarkan pada 25 Jun 2021 kepada semua pemilik harta yang telah mendaftar. Untuk memastikan bil digital ini diterima, MPS telah membuat penghantaran emel pemakluman 2 kali iaitu pada 5 Julai 2021 dan 11 Ogos 2021 selain khidmat pesanan ringkas (SMS) pada 14 Julai 2021 dan 11 Ogos 2021.
7. Bagi semakan dan bayaran cukai taksiran, pemilik harta boleh mendaftar dan menggunakan portal myMPS dengan melayari <http://mymps.mps.gov.my>. Selain portal myMPS, bayaran juga boleh dibuat di pelbagai saluran yang ditawarkan iaitu di kaunter-kaunter bank dan pejabat pos terpilih, Online Banking, Jompay dan Kiosk Bayaran di Menara MPS.
8. Untuk kemudahan orang ramai membuat bayaran juga, kiosk bayaran di Menara MPS adalah dibuka dari jam 8.00 pagi hingga 12.30 tengah hari pada hari Sabtu, Ahad dan cuti umum sepanjang bulan Ogos 2021. Ingin saya mengingatkan tempoh bayaran cukai taksiran bagi penggal 2/2021 akan berakhir pada 31 Ogos 2021 dan caj lewat RM20.00 akan dikenakan bermula 1 September 2021. Jadi ambillah peluang ini untuk menjelaskan bayaran cukai taksiran untuk mengelakkan caj denda lewat dikenakan ke atas anda.

YAD TAN SRI, TUAN TUAN DAN PUAN PUAN

PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) – SOP FASA 1 DAN PEMATUHAN SOP

9. Selaras dengan pengumuman kerajaan pada 19 Ogos 2021, kemudahan tambahan sektor sosial dan ekonomi bagi individu yang sudah menerima vaksinasi lengkap telah diperluaskan. Aktiviti dine-In, aktiviti sukan, rekreasi dan riadah dan operasi pasar malam dan pasar minggu kini dibolehkan dengan mengikuti syarat-syarat yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).
10. MPS telah pun membuka semula taman awam, taman tasik, taman permainan dan padang permainan di bawah selenggaraan MPS. Kolam Renang di bawah MPS juga telah dibuka semula. Walau bagaimanapun pengunjung adalah diingatkan untuk sentiasa mematuhi semua SOP yang telah ditetapkan oleh MKN.
11. Bagi pasar pagi dan pasar malam, MPS telah memaklumkan kepada semua pengelola untuk memastikan keperluan SOP adalah dipenuhi sebelum operasi dibuka semula. Pemeriksaan pematuhan juga perlulah dipastikan terutama semakan dos vaksinasi pengunjung.
12. MPS akan mengambil tindakan tegas kepada mana-mana individu yang gagal mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Sepanjang bulan Ogos ini, MPS terus bekerjasama membuat pemantauan

pematuhan SOP bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) di seluruh pentadbiran MPS.

13. MPS ingin mengingatkan kepada semua peniaga dan penjaja untuk memastikan mereka menjalankan aktiviti masing-masing dengan lesen dan permit yang sah dari MPS selain mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Untuk bulan Ogos sebanyak 11 operasi pemantauan SOP telah dilaksanakan oleh Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan MPS dengan sebanyak 244 Kompaun, 70 Notis Tanpa Kompaun(NTK) dan 51 kali sitaan telah dilaksanakan atas pelbagai kesalahan.

YAD TAN SRI, TUAN TUAN DAN PUAN PUAN

14. Untuk memastikan keselamatan awam, selain pemantauan pematuhan SOP, MPS juga turut menjalankan proses disinfeksi ke atas semua pasar-pasar awam di bawah pengurusan MPS pada hari Isnin setiap minggu. Kakitangan MPS juga telah diletakkan untuk memantau dan memastikan pengunjung yang datang ke pasar awam MPS mematuhi SOP yang telah ditetapkan.
15. Proses disinfeksi turut dijalankan di Menara MPS pada setiap hari Jumaat. Saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk memaklumkan bahawa bermula 16 Ogos 2021, semua urusan di Menara MPS hanya melalui janji temu sahaja. Orang ramai boleh membuat janji temu

menggunakan Sistem Janji Temu MPS dengan melayari laman web mps di www.mps.gov.my

16. Sebagai salah satu frontliner, MPS juga mengambil serius tentang kebajikan dan keselamatan kakitangan MPS sepanjang mereka menjalankan tugas terutama kakitangan yang menjalankan tugas dilapangan seperti penguatkuasa, petugas pembersihan, petugas penyelenggaraan dan lain-lain. Untuk memastikan kakitangan sentiasa mematuhi SOP dan juga terhindar dari Wabak Covid 19, MPS telah menubuhkan bilik Gerakan Covid 19 yang memantau dan menguruskan segala keperluan dan tindakan berkaitan Wabak Covid 19 di MPS. Bilik Gerakan ini juga menguruskan data berkaitan staf yang dijangkiti virus covid dan menyelaraskan maklumat dengan Pejabat Kesihatan Daerah Gombak. Sehingga 26 Ogos 2021, seramai 167 orang kakitangan positif Covid 19 dan jumlah kes positif masih dikuarantin adalah 16 orang. Untuk penerimaan vaksin, seramai 1,066 (98.52%) kakitangan MPS telah lengkap menerima vaksin Covid-19 manakala 16 (1.48%) lagi masih belum menerima vaksin.

YAD TAN SRI, TUAN TUAN DAN PUAN PUAN

KEMPEN KEBERSIHAN PERSEKITARAN BASMI AEDES BERSAMA KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT)

17. Ketika kita sedang berusaha memerangi wabak pandemik Covid-19, penjagaan kebersihan persekitaraan juga perlu dititikberatkan agar kita terhindar dari wabak penyakit yang lain terutama jangkitan wabak denggi. Untuk itu saya ingin mengingatkan agar penduduk perbandaran Selayang memastikan agar persekitaraan kediaman masing-masing sentiasa bersih dan tiada tempat pembiakan nyamuk Aedes.
18. Untuk mempergiat usaha ini, MPS dengan kerjasama Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang melaksanakan Kempen Kebersihan Persekitaran Basmi Aedes. Kempen ini turut mendapat kerjasama dari Pejabat Kesihatan Daerah Gombak dan JKP Zon 3. Lokaliti yang telah dipilih adalah Taman Gombak berdasarkan jumlah wabak denggi yang didapati agak tinggi. Objektif kempen ini adalah untuk menamatkan kejadian wabak, mengurangkan densiti nyamuk Aedes, dan meningkatkan tahap kebersihan persekitaran serta menghapuskan tempat pembiakan Aedes.
19. Kempen yang bermula pada 23 Ogos 2021 dan akan berakhir pada 26 September 2021 merangkumi aktiviti semburan kabus, aktiviti Lavarciding dan Search and Destroy, Pemasangan Alat Perangkap Larva Nyamuk dan juga promosi kepada penduduk setempat.

YAD TAN SRI, TUAN TUAN DAN PUAN PUAN

UCAPAN KEMERDEKAAN

20. Tahun ini, MALAYSIA PRIHATIN dipilih menjadi tema Hari Kebangsaan ke-64 bagi menekankan kepentingan perpaduan serta semangat cintakan negara demi kesejahteraan dan kemakmuran bersama.

21. Sebagai rakyat Malaysia, kemerdekaan ini sepatutnya bukan sekadar bersifat occasional ataupun perayaan sebaliknya perlu menanamkan sikap patriotik melalui penghayatan terhadap ruh kemerdekaan selain mensyukuri nikmat kedamaian, bebas daripada penjajah, kita perlu sentiasa kekalkan semangat kenegaraan dalam diri dengan mempertahankan kemerdekaan dan mengekalkan semangat bersatu padu tanpa mengira kaum dan bangsa.

22. Tema MALAYSIA PRIHATIN ini amat bertepatan dengan aspirasi bahawa seluruh rakyat MALAYSIA, sama ada penjawat awam, sektor swasta, sukarelawan NGO mahupun orang perseorangan yang turut bersama-sama memerangi musuh kita pada waktu ini iaitu wabak Covid-19 dan pada waktu yang sama, bersama-sama berkebajikan kepada warga yang kurang bernasib baik.

23. Alhamdulillah, semangat MALAYSIA PRIHATIN ini ditunjukkan oleh warga MPS terutama dalam tempoh-tempoh sukar pada waktu ini, dalam keadaan dunia memerangi wabak Covid 19 apabila begitu proaktif dalam

memberi sokongan membantu kerajaan. Bantuan seperti keperluan logistik kepada hospital, penyediaan dewan untuk dijadikan pusat saringan dan vaksinasi, semburan nyahkuman di kawasan-kawasan awam, bantuan sukarelawan, inisiatif Bantuan Bakul Makanan Covid 19 – Selayangku Sayang dan pelbagai lagi menunjukkan bahawa MPS sentiasa komited dan bersedia apabila diperlukan. Dan Saya harap perkara ini boleh dikekalkan dan diteruskan sehinggalah pandemik ini berakhir.

24. Marilah sama-sama kita memastikan semangat patriotisme ini sentiasa mekar dalam hati kita dan kita perkukuhkan lagi di sepanjang Sambutan Bulan Kebangsaan dan kempen Kibar Jalur Gemilang. Walaupun sambutan pada tahun ini diteruskan dengan sederhana dan mematuhi SOP, namun saya percaya semangat kita semua tetap bersemarak dan rasa cinta kita kepada negara tetap membara.

25. Dikesempatan ini juga, saya menyeru kepada semua untuk mengibarkan Jalur Gemilang di premis-premis perniagaan, rumah dan di mana-mana tempat yang bersesuaian sehingga 16 September dengan penuh kebanggaan.

Selamat Menyambut Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan terima kasih.